

2 MAC 2018

Penagih lari tinggal adik

20 setempat 02-03-2018

HARIAN METRO

Nurul Hidayah Bahaudin
nurulhidayah@hmetro.com.my

Penagih lari tinggal adik

■ AADK serbu sarang dadah berdekatan Stesen KTM Komuter Kajang

Kajang

Tergamak lari meninggalkan adik perempuan yang khayal di sarang penagihan dadah berikutan bimbang diberkas anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Itu tindakan seorang lelaki berusia 20-an sejurus lokasi penagih dadah berkumpul berhampiran landasan Stesen KTM Komuter di Jalan Reko di sini, diserbu jam 1 tengah hari, kelmarin.

Ketua Pegawai AADK Daerah Hulu Langat Muhamad Ramlan Syed Ahamed berkata, lelaki itu lari meninggalkan adiknya dengan memecut motosikal kerana panik.

Katanya, adik-beradik berusia 20-an itu dikatakan pergi bersama-sama ke lokasi berkenaan untuk melepaskan gan sebelum menyedari kehadiran pihak berkuasa melakukan serbuan.

"Pada masa sama polis turut menahan seorang lelaki berusia 36 tahun yang didapati membuang air besar di dalam seluar akibat khayal mengambil dadah.

"Mereka antara 15 individu termasuk dua wanita yang ditahan anggota penguat kuasa AADK Cawangan Hulu Langat dalam serbuan bermula jam 6 pagi hingga jam 1 tengah hari itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan terhadap 20 individu yang berada di lokasi berkenaan ketika serbuan dilakukan.

Katanya, hasil ujian saringan air kencing dilakukan pihaknya menahan 15 individu termasuk dua wanita berusia 18 hingga 53 tahun selepas didapati positif pelbagai jenis dadah.

"Ketika serbuan dijalankan, kebanyakan mereka dalam keadaan khayal dan tidak sempat melarikan diri memandangkan kawasan itu sudah dikepung," katanya.

Muhammad Ramlan berkata, kawasan berkenaan kerap diserbu pihaknya namun ia masih menjadi lokasi penagih dadah tegar sebagai sarang melepaskan gan.

"Sebelum ini, kami pernah memusnahkan 'port' atau sarang penagih dadah di kawasan berkenaan termasuk pondok kecil yang dibina bagi tujuan itu. Namun mereka tidak serik dan masih menjadikan kawasan semak berhampiran lokasi berkenaan untuk melepaskan gan.

"Kali terakhir kami membuat serbuan di kawasan itu pada bulan lalu dan 16 individu berusia antara 27 dan 56 tahun diarah," katanya.

Menurutnya, AADK Hulu Langat akan melakukan serbuan secara konsisten terutama membabitkan lokasi panas yang dijadikan sarang penagih dadah di daerah ini dalam usaha mengengkang aktiviti itu daripada terus berleluasa.

FAKTA
Kebanyakan penagih dalam keadaan khayal ketika diserbu

ANGGOTA AADK membuat pemeriksaan terhadap individu yang ditahan dalam operasi dijalankan berhampiran landasan Stesen KTM Komuter di Jalan Reko, Kajang.

